

Media Title : Berita Harian  
Headline : 75 kes guru, pesara jadi mangsa tipu dalam talian  
Date : 18 October 2024  
Section : Nasional  
Page : 9



# 75 kes guru, pesara jadi mangsa tipu dalam talian



Ramli pada sidang media di ibu pejabat JSJK di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto BERNAMA)

**Kuala Lumpur:** Kes penipuan melalui telefon membabitkan mangsa guru dan pesara guru semakin membimbangkan apabila sebanyak 75 kes dengan kerugian mencecah RM5.6 juta dilaporkan sepanjang tahun lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, berkata walaupun statistik hanya mewakili 3.6 peratus daripada keseluruhan kes, namun ia semakin menunjukkan trend membimbangkan.

Katanya, jumlah guru yang menjadi mangsa penipuan sedemikian agak kecil, namun jumlah kerugian yang dicatatkan agak membimbangkan, iaitu RM5,703,449 atau purata

RM76,046 bagi setiap mangsa.

“Penglibatan guru sebagai mangsa penipuan *phone scam* adalah amat menyedihkan kerana saya melihat pendidik sebagai golongan yang terpelajar dan sewajarnya memiliki tahap waspada yang tinggi terhadap ancaman jenayah.

“Namun, tidak dapat dinafikan, guru juga manusia dan mereka juga terdedah kepada kesilapan.

“Bagaimanapun, selaku penyampai dan pengajar ilmu pengetahuan, saya menyeru kepada semua guru di luar sana untuk turut sama cakna dengan perkembangan jenayah komersial dan modus operandi terkini yang digunakan,” katanya pada sidang

media di ibu pejabat JSJK, di sini semalam.

Ramli berkata, kes terbaharu membabitkan guru menjadi mangsa penipuan *phone scam* dilaporkan pada 7 Oktober lalu dalam kejadian di Pahang membabitkan kerugian RM160,000.

“Anda (guru) adalah individu terpilih yang berupaya untuk menyebarkan pelbagai ilmu pengetahuan.

“Menjadi harapan saya agar pengetahuan berkaitan jenayah komersial juga dapat menjadi sebahagian daripada perkara yang disebarkan.

“Kami di PDRM bersedia memberikan apa sahaja jenis bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan perkara ini,” katanya.